

Program Sesi Libat Urus JPA Bersama Penjawat Awam Negeri Pahang

KUANTAN, 20 September 2023 – Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah mengadakan Program Sesi Libat Urus JPA Bersama Penjawat Awam Negeri Pahang di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan bermula jam 2:30 petang.

Sesi libat urus ini melibatkan lebih 1,000 orang penjawat awam negeri Pahang yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam program ini, pihak JPA telah berkongsi berkenaan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang akan dilaksanakan pada masa akan datang dan mengambil cadangan serta input para penjawat awam seluruh Malaysia.

Pegawai yang memberikan taklimat ialah Puan Nur Izyani binti Zakaria, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Program turut dihadiri Dato' Mohd Zakaria bin Ibrahim, dsap., dimp., pbp., ppa. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Dato' Pauzan bin Ahmar (Ketua Delegasi), Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), serta para pegawai JPA seramai 11 orang.

Disediakan oleh Unit Pentadbiran, BPSM.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

(LIPUTAN BERGAMBAR)







